

# e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAMBAH  
<http://www.uitm.edu.my>



Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang



## Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News &amp; Reports</u>	4
<u>Club News &amp; Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching &amp; Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90

## Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti: Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staf UiTM CPP

Oleh: Raja Rosila Raja Berahim, Nur Afiqah Ab Latif & Wan Noorli Razali

Pada 6 Disember 2024, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah mengadakan Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti 2024 sebagai penghargaan kepada staf yang telah berusaha gigih sepanjang tahun 2023 dalam merealisasikan visi dan misi universiti. Bertemakan Lagenda P. Ramlee dan Saloma, majlis yang bertempat di Dewan Besar UiTM CPP tahun ini membawa motto Kelestarian Kualiti Melalui Transformasi Inovasi. Majlis ini dianjurkan oleh Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE) dengan sokongan Arkib Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang, yang turut menyumbang kepada kelancaran dan kemegahannya.



Majlis dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Bin Razali (Menjalankan Fungsi Rektor UiTM CPP) dan dimulakan dengan gimik perasmian serta tayangan montaj sepanjang Bulan Inovasi dan Kualiti 2024. Video persembahan sketsa bertemakan P. Ramlee yang disertai beberapa jabatan serta tarian tradisional Melayu turut menyeronokkan acara, mengimbau nostalgia zaman kegemilangan Seniman Agung Negara, Allahyarham Tan Sri Datuk Amar (Dr) P. Ramlee.

Sebanyak tujuh kategori anugerah diraikan:

1. Anugerah Pencapaian Strategik 2023
2. Anugerah Pencapaian Terbaik KIK 2023
3. Anugerah Auditor Terbaik 2023
4. Anugerah Cendekiawan Epitome 2023
5. Anugerah Khas Rektor (Pentadbir & Pelaksana)
6. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023
7. Anugerah Jasamu Dikenang 2024

Akademi Pengajian Bahasa (APB) menunjukkan kecemerlangan dengan meraih tiga anugerah utama iaitu:

1. Tempat pertama Anugerah Pencapaian Strategik Kategori Jabatan
2. Pemenang Anugerah Cendekiawan Epitome bagi Geran Penyelidikan Antarabangsa Aktif Fakulti & Jabatan
3. Pemenang Anugerah Cendekiawan Epitome bagi Jaringan Komuniti Terbaik Fakulti & Jabatan



Beberapa staf APB turut menerima pengiktirafan atas kecemerlangan mereka. Dr. Norhaslinda Hassan, selaku Ketua Pusat Pengajian (KPP) APB, meraih Anugerah Cendekiawan Epitome bagi kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa: Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi (Q1 & Q2). Selain itu, Dr. Nur Husna Serip Mohamad dan Dr. Isma Noornisa Ismail turut dianugerahkan dalam kategori Geran Penyelidikan Antarabangsa.

Bagi kategori Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023, empat staf APB menerima pengiktirafan, iaitu Encik Lim Teck Heng, Puan Muriatul Khusmah Musa, Puan Nur Afifah Ab Latif, dan Puan Norhafizah Abdul Halil. Tidak ketinggalan, dua staf APB menerima Anugerah Jasamu Dikenang 2024, iaitu Prof. Madya Dr. Rafiza Aboo Bakar bagi kategori Khidmat Setia 25 Tahun dan Cik Ong Sheau Fen bagi kategori Khidmat Setia 20 Tahun. APB juga turut memenangi tempat kedua pertandingan sketsa P. Ramlee berjudul Madu Ampat yang dilakonkan oleh Encik Usamah, Dr. Ilianis, Dr. Husna, Dr. Isma, dan Puan Syahirah.



Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti persembahan nyanyian lagu-lagu P. Ramlee, tarian tradisional, pengumuman pemenang cabutan bertuah, kuiz, dan sketsa. Bersesuaian dengan tema, menu yang disajikan juga berkonsepkan tradisional seperti nasi lemak dan cekodok pisang untuk sarapan, gulai lemak daging salai, kerabu taueh, ayam masak merah dan sambal belacan untuk makan tengah hari, serta tapai pulut, kuih lopes bersama gula melaka dan ubi kayu rebus bersama kelapa parut sebagai pencuci mulut.

Suasana majlis diserikan dengan hiasan bertemakan nostalgia, menampilkan pameran barang-barang ikonik era Allahyarham P. Ramlee dan Saloma seperti basikal, vespa, kamera, pakaian serta maklumat sejarah yang mengimbau kenangan silam, menjadikan latar dewan yang indah dan sesuai sebagai lokasi bergambar kenangan. Para staf tampil mempesona dalam busana bertema P. Ramlee dan Saloma, melengkapkan suasana yang penuh pesona dan memukau, serta menjadikan majlis ini satu kenangan yang tidak akan dilupakan.

Di penghujung majlis, pengumuman pemenang busana terbaik disampaikan, yang mana gelaran tersebut dianugerahkan kepada Puan Hayanita Othman dan Encik Mohamad Rozi Mohd Nazir atas penampilan mereka yang memukau dan selaras dengan tema majlis.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE) selaku penganjur yang telah menjayakan majlis ini dengan penuh cemerlang dan gemilang. Selamat maju jaya diucapkan kepada Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP), yang akan mengambil alih tanggungjawab penganjuran Majlis Bulan Inovasi dan Kualiti pada tahun 2025.